

MAJLIS SAMBUTAN AMBANG UniMAP



31 Februari 2007

“KUKUM TETAP DI HATI” , begitulah apa yang dapat digambarkan pada perasaan setiap warga UniMAP yang hadir ke Majlis Sambutan Ambang UniMAP ini. Majlis yang penuh gemilang dan warna warni ini telah diadakan pada malam 31 Januari 2007 di Kampus UniMAP Kubang Gajah, Arau. Ia merupakan satu detik sejarah yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh staf dan pelajar UniMAP yang hadir, kerana pada malam inilah nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) diabadikan dan digantikan dengan nama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP bersama DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis telah berkenan berangkat hadir ke majlis ini dan meraikannya bersama-sama kira-kira 3 ribu warga UniMAP yang lain. Majlis dimulakan dengan persembahan dari Unit Kebudayaan UniMAP dan pada tepat jam 11.30 malam sebaik saja keberangkatan tiba DYTM Tuanku Canselor dan DYTM Raja Puan Muda Perlis lagu WAWASANKU versi KUKUM dinyanyikan buat kali terakhir.

Pada detik 12 tengah malam, selepas sahaja upacara ‘countdown’, lagu WAWASANKU versi UniMAP berkumandang dan dinyanyikan buat kali pertama. Pada masa yang sama logo UniMAP dipamerkan di majlis ini dan secara serentak di semua bangunan dan premis UniMAP. Dalam majlis yang bersejarah ini juga, Baginda berdua telah memasukan nota bersama-sama dengan Pengurusan Tertinggi UniMAP serta semua warga UniMAP yang hadir ke dalam kapsul masa yang dibuat khas dan kapsul ini akan dibuka pada 31 Januari 2017.